



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[APPLICATION OF IJARAH IN SUSTAINING EDUCATIONAL ENDOWMENT AT PEOPLE'S RELIGIOUS SCHOOL (SAR): A STUDY IN PENANG, PERLIS AND KEDAH]

APLIKASI IJARAH KE ARAH MELESTARIKAN WAKAF PENDIDIKAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR): KAJIAN DI PULAU PINANG, PERLIS DAN KEDAH

MOHD NASIR AYUB^{1*}
SURITA HARTINI MAT HASSAN¹
NAZNI NOORDIN²
MOHD ZOOL HILMIE MOHAMED SAWAL³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Kedah

² Fakulti Sains Pengurusan dan Pengajian Polisi (FSPPP) UiTM Kedah

³ Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) UiTM Kedah

*Corresponding author: mnasir251@uitm.edu.my

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 21 Mei 2020

Abstract

The People's Religious School (SAR) is part of the educational institution at Malaysia which contributes to the educational development of Muslims. The institution, established by the people for the benefit of the people, needs to be fortified so that its presence in the education sector is truly felt. The function of SAR as a place for the dissemination of Islamic knowledge needs to be preserved. Because of that, SAR administrators need to be aware and pro-active in their efforts to maintain their existence of this Islamic educational institution. One of the efforts to maintain SAR is to apply the endowment mechanism to the asset that is owned, be it movable, or immovable properties. These endowment assets can be developed to deliver sustainable profits. For example, through the implementation concept of Ijarah on the owned waqf assets. Thus, this study was conducted to identify the implementation of ijarah on educational properties available in selected SARs in the states of Penang, Perlis and Kedah, and to analyze its effectiveness. This study involves in-depth, semi-structured interviews on selected SAR administrators. The obtained data were analyzed by qualitative content analysis. Through this, it was found that the implementation of the concept of ijarah in the development of educational facilities in SAR has successfully maintained the sustainability of benefits of the educational property. At the same time, it is also financially beneficial to the SAR itself.

Keywords: Education, sustainability, educational endowment, People's Religious School (SAR).

Abstrak

Sekolah Agama Rakyat (SAR) merupakan sebahagian daripada institusi pendidikan di Malaysia yang turut menyumbang kepada pembangunan pendidikan umat Islam. Institusi yang ditubuhkan oleh rakyat untuk kepentingan rakyat terutamanya umat Islam ini perlu diperkasakan supaya keberadaan institusi ini dalam sektor pendidikan tidak dipandang sepi. Fungsi SAR sebagai tempat penyebaran ilmu-ilmu Islam perlu dipelihara. Oleh sebab itu, pihak pentadbir SAR perlu peka dan bersifat pro-aktif dalam usaha mengekalkan kewujudan institusi pendidikan Islam ini. Salah satu usaha mengekalkan SAR ialah dengan mengaplikasikan mekanisme wakaf terhadap aset yang dimiliki sama ada harta alih mahupun harta tak alih. Aset wakaf ini dibangunkan agar dapat menghasilkan manfaat yang bukan hanya sekali, malah manfaatnya dapat digandakan. Sebagai contoh melalui pelaksanaan konsep ijarah terhadap aset wakaf yang dimiliki. Ekoran daripada fenomena inilah kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pelaksanaan konsep ijarah terhadap harta wakaf pendidikan yang terdapat di SAR terpilih di negeri Pulau Pinang, Perlis dan Kedah dan menganalisis keberkesanannya. Kajian ini melibatkan temu bual secara mendalam menggunakan soalan separa berstruktur terhadap pentadbir SAR yang terpilih. Data yang diperolehi dianalisis secara analisis kandungan kualitatif. Kajian ini mendapati pelaksanaan konsep ijarah dalam pembangunan wakaf pendidikan di SAR telah berjaya mengekalkan kelestarian manfaat dan harta wakaf pendidikan. Malah dalam masa yang sama turut menyumbang dana kewangan kepada SAR itu sendiri.

Kata kunci: : Ijarah, kelestarian, wakaf pendidikan, Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Cite as: Mohd Nasir Ayub, Surita Hartini Mat Hassan, Nazni Noordin & Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal 2020. Aplikasi Ijarah ke Arah Melestarikan Wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR): Kajian di Pulau Pinang, Perlis dan Kedah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(2): 69-88.

PENGENALAN

Sekolah Agama Rakyat (SAR) merupakan sebahagian daripada institusi pendidikan yang menyumbang kepada pembangunan sistem pendidikan Islam di Malaysia yang tergolong dalam kategori sekolah agama di Malaysia. Penambahbaikan terhadap pelaksanaan dan juga pentadbiran SAR dilakukan secara berterusan supaya kewujudannya menjadi sebutan ramai ekoran sumbangan dan fungsinya sangat besar dalam melahirkan generasi yang celik ilmu bukan hanya ilmu duniawi malah ukhrawi. Perkara ini memerlukan kerjasama dan usaha yang bersungguh-sungguh serta berterusan daripada semua pihak.

Antara kaedah yang diterapkan dalam usaha melestarikan kewujudan SAR di Malaysia ialah melalui pelaksanaan wakaf pendidikan. Wakaf pendidikan merujuk kepada pemberian harta oleh individu atau organisasi tertentu kepada institusi pendidikan dalam bentuk sama ada harta alih atau harta tak alih dengan niat atau tujuan untuk digunakan bagi urusan pengajian dan pembelajaran di institusi pendidikan. Sehingga kini pelaksanaan wakaf pendidikan menjadi satu agenda utama di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia sama ada IPT awam mahupun swasta sebagai sumber pembiayaan ekoran pengurangan belanjawan oleh kerajaan keseluruhan IPT pada tahun 2016 seperti Universiti Islam Malaysia (UIM), Universiti Putra Malaysia

(UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan sebagainya (Munim, et al. 2016; Shukor, 2015). Begitu juga dengan SAR di Malaysia yang jika diteliti pada sejarah penubuhannya kebanyakannya berasaskan dana yang diterima melalui instrumen wakaf seperti tanah, bangunan, kitab, peralatan belajar seperti kerusi serta meja dan termasuk juga wang tunai. Permasalahannya, harta-harta tersebut tidak dikembangkan atau dibangunkan dalam bentuk yang lebih produktif supaya harta tersebut dapat menghasilkan manfaat yang bukan hanya sekali, malah manfaatnya dapat digandakan menyebabkan kebanyakan SAR berhadapan dengan kekangan kewangan untuk mengembangkan SAR.

Namun begitu usaha-usaha melestarikan keberadaan SAR di Malaysia telah juga dilaksanakan. Antara satu kaedah yang telah dilaksanakan sebagai usaha membangun serta melestarikan kewujudan dan manfaat SAR ialah melalui pelaksanaan konsep *ijarah* terhadap wakaf pendidikan yang dimiliki terutamanya tanah dan bangunan. Ekoran daripada inilah kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti SAR yang telah mengaplikasikan konsep *ijarah* terhadap wakaf pendidikan yang dimiliki. Seterusnya, kajian ini menganalisis keberkesanan pelaksanaannya ke arah melestarikan SAR di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan Wakaf Pendidikan telah mendapat perhatian ramai pengkaji sebelum ini. Namun kajian terdahulu kebanyakannya mengkhususkan kepada institusi pengajian tinggi (IPT). Sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Shukor (2015-buku dbp). Kajian beliau mendapati kebanyakan IPT di Malaysia sama ada awam mahupun swasta telah melaksanakan wakaf pendidikan sebagai salah satu cabang untuk mendapatkan dana pembangunan pendidikan di instusi masing-masing. Sebagai contoh Universiti Putra Malaysia (UPM) menubuhkan satu unit khas bagi menguruskan hal-hal berkaitan wakaf pendidikan UPM iaitu Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN). Bahagian ini telah berjaya menguruskan dana dengan baik dan cemerlang. Sehingga telah wujud beberapa produk yang dihasilkan menggunakan dana wakaf pendidikan.

Begitu juga dengan kajian Munim, et al. (2016) yang memfokuskan kajiannya kepada satu universiti iaitu UIM. Berdasarkan kajian beliau UIM merupakan sebuah universiti yang penubuhannya berasaskan dana wakaf yang diterima daripada individu dan organisasi korporat. Walau pun begitu, pihak universiti sentiasa bekerja keras supaya dana tersebut dapat digunakan secara berterusan. Antara kaedah yang diaplikasikan ialah melaksanakan aktiviti pelaburan supaya harta tersebut berkembang dan berterusan. Hal ini membuktikan bahawa untuk memastikan dana wakaf dapat dimanfaatkan secara berterusan harta tersebut biasanya dikembangkan secara produktif.

Berdasarkan penelitian, kajian berkaitan wakaf pendidikan di SAR masih belum ditemui. Kajian berkaitan SAR kebanyakannya difokuskan kepada pengurusan dan pentadbiran. Misalnya kajian Umar dan Husin (2012) yang mengkaji tentang cabaran pengurusan pihak SAR ekoran pendaftaran SAR kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kajian mereka mendapati wujud pelbagai rintangan terutamanya dalam mentadbir dan mengurus yang telah menimbulkan dilema baru kepada pihak negeri dan pengusaha SAR khususnya dari sudut autoriti dan pemilikan kuasa. Hasil kajian ini selari dengan kajian Siren, et al. (2018) yang meneliti berkaitan pengurusan SAR kesan daripada wujudnya kepelbagaian

mengurus dalam SAR. Kajian mereka mendapati berlaku kepelbagaian dalam pengurusan SAR di setiap negeri, sehingga berlaku ketidakseimbangan pembangunan SAR di Malaysia. Terdapat SAR yang maju dan terdapat SAR yang daif. Kajian ini memperlihatkan bahawa SAR di Malaysia masih lagi dicengkam dengan pelbagai halangan dan rintangan untuk berkembang dan maju. Ketidakteraturan pentadbiran dalam institusi wakaf termasuklah institusi pendidikan wakaf seperti SAR telah menimbulkan konflik dalam menguruskan harta wakaf (Malib et al., 2015). Perkara ini berlaku kerana tiada manual khas yang boleh diaplikasikan oleh pentadbir wakaf dalam mengurus harta wakaf. Keadaan ini menghalang perkembangan wakaf pendidikan.

Walaupun demikian, pihak SAR perlu lebih pro-aktif supaya SAR masih lagi dapat berfungsi sebagaimana tujuan asal penubuhannya. Oleh sebab itu, harta-harta wakaf yang dimiliki wajar dikembangkan secara lebih produktif supaya manfaatnya berterusan dan dapat menjana hasil yang dapat membantu pentadbir sekolah menjana pendapatan.

Terdapat beberapa kajian yang melihat penggunaan kaedah tradisional masih relevan dan sesuai dilaksanakan pada masa kini jika diurus tadbir dengan baik seperti ijarah wakaf. Kajian seumpama ini telah dilakukan oleh Rani et al (2015). Kajian mereka menjurus kepada pengurusan ijarah wakaf sebagai pemangkin transformasi pembangunan ekonomi di Negeri Selangor. Kajian mereka mendapati pengurusan ijarah wakaf di negeri Selangor masih perlu banyak penambahbaikan kerana kutipan sewaan premis wakaf sangat rendah jika dibandingkan dengan premis Baitulmal. Begitu juga dengan sumbangan hasil wakaf juga amat rendah. Sedangkan pada penilaian mereka Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) boleh bergerak dengan lebih pro-aktif supaya perolehan ijarah wakaf dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi dengan lebih baik dengan meletakkan harga sewaan premis pada kadar yang lebih tinggi. Hal ini kerana kedudukan negeri Selangor sangat strategik dan antara negeri yang termaju di Malaysia. Keadaan ini menunjukkan pelaksanaan kaedah pembiayaan halal sama ada secara tradisional mahupun kontemporari bukanlah penyebab terbantutnya pembangunan ke atas harta wakaf tetapi pengurusan dan pelaksanaan yang tidak cekap merupakan punca utama berlakunya perkara ini. Kaedah ini boleh diterapkan dalam membangunkan wakaf pendidikan di SAR. Kajian seumpama ini masih belum ditemui. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pelaksanaan ijarah wakaf oleh pentadbir SAR dalam usaha melestarikan manfaat dan kewujudan SAR di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan secara kualitatif memandangkan kajian ini meneliti pelaksanaan dan keberkesanan pengaplikasian konsep *ijarah* terhadap wakaf pendidikan SAR di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Bagi mencapai objektif ini, kajian ini melibatkan dua fasa pengumpulan data. Fasa pertama melibatkan pengumpulan data daripada dokumen yang berkaitan seperti tesis, jurnal, majalah dan sebagainya. Pengumpulan data pada peringkat ini bertujuan untuk mendapatkan teori serta latar belakang kajian terutamanya berkaitan wakaf, wakaf pendidikan, SAR dan lain-lain.

Fasa kedua pula melibatkan pengumpulan data primer secara temu bual mendalam menggunakan soalan separa berstruktur. Informan kajian ini terdiri daripada pentadbir-pentadbir SAR yang terpilih di tiga buah negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Pemilihan

informan ini menggunakan teknik *snowball*. Pada peringkat ini, fokus utama pengkaji adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar melalui maklumat yang diberikan berkaitan dengan kaedah yang digunakan dalam usaha melestarikan SAR serta jenis atau bentuk wakaf pendidikan yang diperoleh oleh SAR. Akhirnya, data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perkembangan SAR di Malaysia

Institusi pendidikan Islam di Malaysia bermula di sekolah-sekolah pondok yang kemudiannya melahirkan madrasah-madrasah dan seterusnya mewujudkan sekolah-sekolah agama rakyat (Rani et al., 2017a; Salleh & Rahman, 2014). Antara sekolah-sekolah Agama wakaf yang terkenal adalah Madrasah Al-Attas, Pahang¹; Sekolah Agama Arab-Al-Masriyah, Bukit Mertajam^{*}; Madrasah Khairiah Islamiah, Pokok Sena, Kepala Batas, Pulau Pinang dan Maktab Mahmud di negeri Kedah (Salleh & Rahman, 2014).

Maktab Mahmud merupakan institusi pendidikan wakaf yang terkenal di negeri Kedah. Diasaskan oleh al-Marhum DYMM Tunku Mahmud Ibn Al-marhum Tunku Ahmad Tajuddin al-Mukarram Shah pada 16 Jun 1936. Matlamat penubuhan adalah untuk menjadikannya sebagai pusat penyebaran agama Islam, bahasa arab serta melahirkan tokoh-tokoh agama. Maktab ini didirikan hasil kutipan zakat serta wakaf orang ramai dan keseluruhan tanah wakaf ini juga telah diguna pakai sepenuhnya untuk membangunkan kemudahan pengajian dan menjana sumber kewangan bagi membiayai pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah (Arkib Negara Malaysia, 2014). Sekolah ini juga menerima pembiayaan daripada kerajaan negeri dan kerajaan pusat melalui kementerian pelajaran dan juga hasil wakaf dari orang perseorangan berupa tanah bendang seluas 122 relung di tujuh kawasan berasingan dalam daerah Kubang Pasu, kedah. Sekolah ini mempunyai cawangan di Langkawi dan Yan. Pada tahun 2002 kerajaan pusat telah menahan bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama dan Maktab Mahmud telah mengambil alih semua sekolah agama yang hampir ditutup melalui Lembaga Pentadbiran Maktab Mahmud yang dipengerusikan oleh seorang exco negeri. Sekolah-sekolah tersebut dijadikan sebagai cawangan Maktab Mahmud (Salleh & Rahman, 2014; Latiff et al., 2008).

Pondok, sekolah, madrasah dan SAR ini menjadi khazanah yang amat bernilai bagi umat Islam kerana berjasa mempertahankan akidah umat Islam sejak zaman penjajahan di samping menjadi alternatif kepada sistem pendidikan kebangsaan. Institusi ini juga terus membekalkan tokoh-tokoh agama yang disegani dan diiktiraf sumbangan mereka oleh masyarakat dan agama (Salleh & Rahman, 2014). Oleh sebab itu, institusi pendidikan wakaf ini perlu dikembangkan serta dibangunkan secara produktif untuk menghasilkan harta wakaf

^{*}Sekolah Agama Arab-Al-Masriyah, Bukit Mertajam juga sekolah agama yang dibina di atas sebidang tanah yang diwakafkan oleh Tuan Haji Abbas serta beberapa orang hartawan di sekitar Bukit Mertajam. Sekolah ini ditubuhkan oleh Tuan Guru Hj Salleh al-Masri pada tahun 1906 berteraskan sistem pondok. Sehingga kini tapak sekolah ini telah didaftarkan di atas nama Majlis Agama Pulau Pinang (MAINPP) oleh pewakaf dalam dan luar Negara (Salleh & Rahman, 2014).

pendidikan yang mampu menjana dana. Penjanaan dana wakaf pendidikan penting supaya harta wakaf tersebut dapat dimanfaatkan secara berterusan.

Bentuk dan Kaedah Pembangunan Wakaf Pendidikan di SAR Pulau Pinang, Kedah dan Perlis

Di Malaysia, pelaksanaan wakaf pendidikan sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat terutamanya melibatkan sekolah agama. Sekolah agama di Malaysia terdiri daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR)[†], Sekolah Agama Negeri (SAN), madrasah dan pondok (Amerudin Ismail & Jasni Sulong, 2017; Mohd Afandi Mat Rani et al., 2017a). Bagi tujuan kajian ini, hanya difokuskan kepada SAR. Hal ini kerana SAR merupakan sebahagian daripada sekolah agama yang mengaplikasikan pelaksanaan wakaf pendidikan. Ia juga merupakan institusi pendidikan yang berpotensi ke arah menghasilkan cendekiawan Islam yang bermutu tinggi. Selain dana wakaf pendidikan, SAR juga mendapat sumber kewangan daripada kerajaan pusat, negeri atau melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Rani et al., 2017a; Salleh & Rahman, 2014).

Walau bagaimanapun, dana yang diperuntukan tidak dapat menampung keseluruhan perbelanjaan untuk keperluan di SAR. Oleh sebab itu, pihak pentadbir perlu merancang strategi untuk menambah dana bagi menampung kekurangan dana perbelanjaan di SAR selain hanya tertumpu kepada kutipan wang tunai misalnya melalui pelaksanaan ijarah atau sewaan dan pajakan ke atas wakaf pendidikan yang ada terutamanya tanah dan bangunan. Penumpuan kepada instrumen kewangan yang terarah kepada kutipan wang tunai berbanding instrumen lain yang lebih bersifat komersial dan berpotensi menghasilkan dana yang lebih besar juga merupakan antara hal yang menghalang pembangunan ke atas harta wakaf pendidikan (Zarqa, 1994; Yusof & Bahari, 1999; Mahamood, 2006; Manat, 2007). Berikut disenaraikan jenis harta wakaf yang terdapat di SAR bagi ke tiga-tiga negeri tersebut beserta kaedah pembangunannya.

Jadual 1.1: Jenis dan Kaedah Pembangunan Waakaf Pendidikan

1. NEGERI	2. SAR Terpilih	3. Jenis Wakaf Pendidikan	4. Kaedah Pembangunan
	1. Sek. Ren. Islam Bahrul Ulum (SRIBU), Kubang	• Tanah, bangunan, wang,	• pembinaan bangunan sekolah, pusat Islam dan asrama pelajar.

[†] SAR merupakan sekolah yang dibina dan ditadbir oleh rakyat melalui pentadbiran lembaga atau guru (Ismail & Sulong, 2017) dan didaftarkan sebagai sekolah persendirian di bawah hakmilik wakaf (sama ada sebagai rizab sekolah agama atau wakaf persendirian). Segala kos dan perbelanjaan ditanggung oleh pemilik. Dan sumber kewangan SAR juga perlu diusahakan sendiri. Namun seksyen 52 Akta Pendidikan 1954 membolehkan Menteri menghulurkan sumbangan kepada mana-mana institusi agama persendirian dalam bentuk bantuan per kapita untuk urusan pengajaran dan pembelajaran, bantuan modal membina/membaiki bangunan, bantuan kursus guru, bantuan perpustakaan, dan bantuan buku teks di bawah skim pinjaman buku teks (Salleh & Rahman, 2014).

Seman, Pulau Pinang.	perabot, buku rujukan dan ilmiah	• masih belum terlibat dalam sebarang penajaan dana termasuklah sewaan kerana pembinaan bangunan masih dalam proses pembinaan.
2. Maahad Tahfiz An-Nahdhoh, Pulau Pinang.	• Tanah, wang, perabot, kitab/al-Quran	• menawarkan wakaf lot kepada pewakaf bagi tujuan pembinaan bangunan • menghasilkan produk menggunakan dana wakaf wang seperti produk kosmetik, jus, kopi dan lain-lain • pelaburan dengan pembinaan hotel/homestay kemudian disewakan
1. Sek. Ren. Islam Darul Ulum (SRIDU), Alor Setar, Kedah.	• Tanah, bangunan, wang tunai, perabot, bahan mentah untuk memasak.	• pembinaan SRIDU INN- dengan kerjasama UUM • sewaan dewan (Kapasiti 500-800 peserta) • pusat pelancongan di negeri Kedah
2. Madrasah Zubaidiyyah, Merbok, Kedah.	• Bangunan, Tanah, Wang Tunai, Bahan Mentah, Kitab, Canopy	• Sewakan padang sekolah • sewakan bangunan (dewan) • Sewaan Canopy • pembinaan kedai yang kemudiannya disewakan
3. Pusat Pendidikan al-Islah, Sg. Petani, Kedah.	• Bangunan, Wang Tunai	• Sewaan dewan
4. Maahad Derang, Pokok Sena, Kedah.	• Tanah, Bangunan, Wang Tunai, Perabot, Kitab	• Pembinaan bangunan sekolah dan asrama • Sewaan dewan
1. Sek. Ren. Al-Furqan (SRIAF), Arau, Perlis.	• Tanah, SKIM wakaf pinjaman buku teks	• pembinaan bangunan sekolah
2. Maahad Tahfiz al-Quran al-Imam an-Nawawi (MATIN), Perlis.	• Tanah, Bangunan, Kitab/al-Quran, Perabot	• Pembinaan bangunan sekolah dan asrama pelajar • Pengeluaran produk sendiri seperti kopi • pondok-pondok kosong disewakan • pembinaan kedai yang kemudiannya disewakan

Jadual 1 menggambarkan jenis wakaf pendidikan yang diperoleh oleh SAR terpilih di negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis beserta kaedah pembangunan yang telah dilaksanakan ke atas harta wakaf pendidikan tersebut. Berdasarkan jadual tersebut boleh dikatakan semua SAR mempunyai harta wakaf pendidikan dalam bentuk tanah, bangunan, perabot dan wang tunai.

Hanya sebahagian daripada mempunyai wakaf pendidikan dalam bentuk buku, kitab dan bahan mentah untuk memasak. Kaedah pembangunan yang mendapat perhatian pentadbir SAR ialah ijarah atau dengan kata lain menyewakan atau memajak harta wakaf pendidikan terutamanya tanah dan bangunan bagi tujuan mendapatkan dana bagi membiayai keperluan di SAR. Sebagai contoh Maahad Tahfiz al-Quran al-Imam an-Nawawi (MATIN), Perlis membina kedai dan pondok dan kemudiannya disewakan kepada yang memerlukan. Begitu juga dengan Madrasah Zubaidiyyah, Merbok, Kedah yang juga telah mengaplikasikan konsep ijarah dengan menyewakan padang, dewan, dan juga canopy kepada yang memerlukan. Pelaksanaan ijarah ini telah memberi kesan yang cukup baik kepada SAR itu sendiri. Perkara inilah yang menjadi fokus utama kajian ini untuk menganalisis keberkesanan pelaksanaan kaedah ijarah yang telah mendapat perhatian oleh pentadbir dalam usaha melestarikan SAR.

Keberkesanan Pelaksanaan *Ijarah* terhadap Wakaf Pendidikan

Secara umumnya, *ijarah* atau lebih dikenali dengan istilah sewa merujuk kepada kontrak untuk mendapatkan khidmat (manfaat) tertentu yang boleh dibayar dan dihalalkan dengan barangan tertentu. Kontrak yang dimaksudkan ialah perjanjian untuk memindahkan hak milik khidmat (manfaat). Kontrak ijarah ini dibenarkan dan bertepatan dengan syara' (al-Bakri, 2014: 185). Dalam konteks wakaf, *ijarah* merujuk kepada kaedah pembiayaan halal yang diaplikasikan oleh pentadbir harta wakaf untuk mendapatkan hasil daripada manfaat harta wakaf. Dalam masa yang sama pelaksanaannya dapat memproduktifkan serta menyumbang manfaat secara berterusan. Harta wakaf yang bermanfaat akan diberi sewa atau pajak kepada mereka yang memerlukan dan mampu mengembangkan harta tersebut. Kelestarian harta wakaf juga merupakan antara isu yang hangat diperkatakan pada masa ini (Rani et al., 2017b). Walaupun tujuan asal wakaf adalah untuk memberikan manfaat dalam bentuk kebajikan kepada masyarakat, namun dana wakaf ini perlu dibangunkan agar dapat berkembang untuk menambahkan jumlah harta wakaf dan kualiti manfaat (Hassan, 2018). Di samping itu, struktur dalaman organisasi wakaf juga harus jelas bagi memastikan dana wakaf ini dapat dikembangkan dan dikomersialkan (Ali, 2014). Sehingga kini, kebanyakan pihak pengurusan wakaf hanya bergantung kepada sumbangan orang ramai untuk menyelenggarakan harta wakaf dan masih kurang inisiatif dalam meningkatkan penghasilan harta wakaf terutamanya yang bersifat ekonomi dan perniagaan (Bahari, 2012).

Penggunaan instrumen wakaf seharusnya diperluaskan dalam pelbagai bentuk yang lebih berbentuk kontemporari seperti saham wakaf, wakaf sukuk, wakaf korporat dan sebagainya (Ramli & Hamid, 2014). Namun begitu, tidak dinafikan kaedah tradisional juga turut menyumbang kepada pertambahan dana misalnya kaedah *ijarah*. Hal ini terbukti dengan pelaksanaan *ijarah* oleh pentadbir SAR di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Pengaplikasian konsep ijarah telah berjaya membantu meringankan bebanan pentadbir dan pengurus SAR untuk mendapatkan dana bagi tujuan penambahbaikan bangunan, bayaran gaji tenaga pengajar dan sebagainya. Hal ni disebabkan dana yang diperuntukkan oleh kerajaan tidak mencukupi bagi menampung keperluan pelajar dan juga guru. Sebagaimana yang diutarakan oleh pentadbir SAR, kewangan merupakan masalah utama yang dihadapi dalam usaha mengekalkan serta mengembangkan harta wakaf pendidikan. Menurut pentadbir SAR An-Nahdhoh, hasil yang diperoleh daripada sewaan bangunan dapat memberi sumbangan dana

yang cukup besar dalam usaha meningkatkan jumlah kewangan bagi menampung pembiayaan pengajian dan perbelanjaan semasa yang semakin meningkat. Perkara ini selari dengan kajian Fazial (2014) bahawa pelaksanaan ijarah ke atas wakaf banyak membantu pihak SAR khususnya An-Nahdhoh dalam menampung perbelanjaan harian mereka.

Selain itu, pelaksanaan ijarah juga dapat membantu mengekalkan serta mengembangkan harta wakaf pendidikan. Pelaksanaan ijarah juga memberi peluang pekerjaan dan peluang berniaga kepada masyarakat melalui pembinaan kedai dan juga penghasilan produk seperti kopi, kosmetik dan lain-lain. Dalam pada itu, dengan terlaksananya konsep ijarah ini membuka peluang kepada SAR untuk mempromosikan SAR pada mata masyarakat. Sebagai contoh SRIDU INN yang dibina oleh SRIDU dengan kerjasama UUM telah berjaya mempromosikan SAR SRIDU. Sehingga kini SRIDU merupakan salah satu tempat yang menjadi tumpuan pelancong yang datang melancong di negeri Kedah.

Selain memberi kesan positif kepada SAR, ijarah juga memberi benefit kepada masyarakat luar untuk turut sama menyumbang dalam pembangunan dan perkembangan SAR. Misalnya melalui pemberian sewa dewan dan padang sekolah kepada masyarakat, individu atau organisasi tertentu boleh memberi peluang kepada mereka untuk berinfaq. Dalam masa yang sama pihak SAR membantu mereka dengan menyediakan tempat untuk majlis kesyukuran, perkahwinan, seminar kursus dan sebagainya. Dengan ini dapat mengeratkan lagi hubungan dan jaringan SAR dengan pihak luar. Hal ini dapat membantu mengekalkan fungsi SAR itu sendiri.

PENGUNAAN MESIN BASUH DAN DOBI LAYAN DIRI

Pada masa kini, penggunaan mesin basuh dan dobi layan diri merupakan kemudahan yang dimanfaatkan oleh semua pengguna termasuk umat Islam terutama mereka yang tinggal di kawasan bandar dan menginap di apartment bertingkat yang berjauhan pula daripada sungai, laut, tasik dan sumber air.

Mesin basuh sudah menjadi suatu keperluan asas dalam rumah, selain dapat menjimatkan masa dan tenaga, berbanding basuhan tangan secara tradisional seperti pada zaman dahulu. Teknologi basuhan yang dimanfaatkan samada di rumah ataupun di kedai dobi termasuk servis sendiri (*self service*) itu menggunakan air dalam proses cucian bersama bahan pembersih (*detergent*) dan pelembut (*softener*) pakaian.

Terdapat dua jenis mesin basuh automatik iaitu muatan atas dan muatan hadapan. Mesin basuh muatan atas menempatkan pakaian yang dimuatkan melalui penutup di sebelah atas ke dalam tab yang disusun menegak serta mempunyai pemutar (*pulsator*) pada bahagian dasarnya. Penggunaan mesin basuh muatan atas ini amat popular di seluruh negara termasuk Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini sebahagian besarnya bersifat kualitatif dan menggunakan kaedah Analisis Profil DNA Forensik. Semua data dan maklumat mengenai *taharah* dan instrumen pembersihan najis diteliti daripada buku-buku fekah dan hadis-hadis hukum yang berautoriti sama ada karya klasik atau kontemporari, tesis dan disertasi di samping artikel-artikel, kertas-kertas kerja dan sebagainya. Sementara proses pengendalian sampel kajian dan langkah-langkah pembersihan

menggunakan mesin basuh dan dobi untuk menguji kemampuannya menghilangkan kotoran dan najis, berpanduan kepada khidmat nasihat beberapa orang pakar sains forensik di Jabatan Kimia Cawangan Pulau Pinang.

Semua data kajian dibahagikan kepada tiga kategori pengumpulan. Pertama, konsep bersuci (*taharah*) dalam kes-kes pembersihan najis. Kedua, alat pembersihan najis berdasarkan pandangan fuqaha Syafi'iyah akan diutamakan di samping mengambilkira pandangan fuqaha mazhab lain. Beberapa pandangan sarjana Islam semasa turut diberikan perhatian. Ketiga, analisis keberkesanan teknologi basuhan mesin basuh dalam menghilangkan kotoran dan najis.

SAMPEL KAJIAN

Sebanyak tiga sampel najis iaitu darah, air kencing dan najis bayi telah digunakan pada pakaian. Sampel-sampel tersebut akan diletakkan pada pakaian yang akan dicuci menggunakan dua teknik basuhan iaitu mesin basuh automatik dan perkhidmatan cucian dobi layan diri.

Dalam analisis zat/unsur najis, kajian ini menggunakan kaedah analisis profil DNA bagi menentukan kehadiran zat/unsur najis iaitu darah, air kencing dan najis bayi pada pakaian sebelum dan selepas basuhan. Teknik analisis DNA adalah teknik untuk mengesan kehadiran DNA yang diwakili oleh zat/unsur najis di dalam sampel kajian. Zat/unsur najis ini adalah terdiri dari bahan kumbahan dan juga sel-sel dari manusia. Namun, antara ketiga-tiga zat/ unsur najis ini, kandungan DNA yang mengandungi sel manusia paling banyak terdapat pada sampel darah.

Kajian ini memilih untuk menggunakan jenis pakaian yang biasa digunakan seharian iaitu fabrik kapas (*cotton*) yang berpoket dan fabrik yang lebih tebal seperti denim (*jeans*). Sampel pakaian akan disapukan najis dan bahagian yang terkena najis akan ditandakan sebelum memulakan proses basuhan. Sebahagian daripada pakaian yang disapukan najis akan digunting dan dikeringkan di tempat yang teduh bagi tujuan sampel kawalan (*control sample*) kehadiran najis pada pakaian. Sampel kawalan (*control sample*) yang kering akan disimpan di dalam sampul sebelum dihantar ke makmal Jabatan Kimia. Manakala proses pembersihan semua sampel kajian dikendalikan secara terkawal di makmal kimia, Fakulti Kejuruteraan kimia Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang.

KAEDAH BASUHAN

Kaedah Basuhan Mesin Basuh

Dalam kajian ini, model mesin basuh muatan atas yang digunakan adalah Sharp 8 kg Fully Auto Washing Machine Washer Es818x yang menggunakan teknologi S Pulsator dan juga Fuzzy Control. Teknologi S-Pulsator ini melibatkan pergerakan air secara tiga (3) dimensi yang boleh meningkatkan lagi kelarutan bahan pencuci (detergent) serta menghilangkan kotoran dengan lebih berkesan. Bagi teknologi Fuzzy Control pula, beban atau berat serta jenis kain akan ditentukan oleh pengesan (sensor) secara automatik. Untuk muatan depan, model mesin basuh yang akan digunakan adalah Electrolux 5th- Generation W5130S yang terdapat di kedai dobi layan diri berdekatan UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Manakala, bahan pencuci asas yang akan digunakan adalah Cecair Cucian Pekat Dynamo. Cecair Cucian Pekat Dynamo ini dipilih kerana ia tidak mengandungi fosfat yang menjadikan Dynamo mesra alam sekitar. Selain daripada itu, Cecair Cucian Pekat 29 Dynamo memberikan prestasi pembersihan berkuasa yang pekat dan semua surfactant dalam Dynamo mudah terbiodegradasikan. Terbiodegradasikan bermakna cecair cucian pekat ini bukan sahaja selamat untuk pakaian malahan untuk alam sekitar juga. Keterlarutan Cecair Cucian Pekat Dynamo ini yang mudah akan memberikan pencucian yang lebih berkesan dan pakaian yang lebih bersih. Dalam basuhan menggunakan mesin basuh, pakaian bernajis tersebut akan dibasuh bersama pakaian lain yang tidak bernajis menggunakan mod ketetapan piawai (*standard setting*). Sampel pakaian yang telah dibasuh dan kering dilabelkan dalam bekas khas dan dimasukkan dalam kotak yang dilekatkan dengan selotep. Selepas itu, kotak sampel tersebut dihantar ke makmal Jabatan Kimia Cawangan Pulau Pinang untuk dianalisa.

Kaedah Basuhan Mesin Dobi

Bagi kaedah basuhan menggunakan dobi layan diri, cara basuhannya telah diprogramkan dalam sistem operasi mesin tersebut dan berbeza daripada kaedah mesin basuh muatan atas. Oleh yang demikian, proses pengesanan status kesuciannya akan dibuat dengan mengambil sampel cebisan pakaian asal terkena najis sebagai sampel kawalan (control sample) dan pakaian yang bercampur dengannya. Masa yang diambil untuk proses basuhan adalah selama 40 minit yang melibatkan 130 liter air berbanding dengan mesin basuh muatan atas yang menggunakan hanya 63 liter air, manakala proses pengeringan adalah selama 25 minit. Selepas proses basuhan dan pengeringan menggunakan mesin dobi, sampel pakaian akan diambil dan disimpan di dalam petri dish plastik. Sampel tersebut akan diuji kewujudan sisa molekul najis samada positif atau negatif.

KAEDAH PENGESANAN KEWUJUDAN NAJIS PADA PAKAIAN

Pengujian ke atas sampel kotoran darah adalah menggunakan dua kaedah iaitu Kestle-Meyer Test (KM Test) dan Profil DNA Forensik. Manakala sampel air kencing dan najis bayi dianalisa dengan hanya menggunakan kaedah Profil DNA Forensik. Sampel-sampel tersebut akan diuji bagi mengesan kewujudan atau kenyahwujudan molekul DNANYA selepas basuhan menggunakan mesin basuh muatan atas dan mesin dobi layan diri.

Kestle-Meyer Test

Bagi menentukan kehadiran darah pada pakaian, ujian saringan (*screening test*) telah dijalankan ke atas sampel dengan menggunakan kaedah Kestle-Meyer Test (Glaister, J., 1929). Kestle-Meyer Test adalah kaedah ujian forensik bagi menentukan kehadiran darah di mana bahan kimia fenolftalein telah digunakan. Fenolftalein adalah cecair yang tidak berwarna dan akan bertukar kepada warna merah jambu setelah dioksidakan oleh haemoglobin dan hidrogen peroksida. Kajian terhadap kehadiran najis darah telah dijalankan menggunakan *blotting paper* yang disapu ke atas permukaan sampel kain yang mempunyai najis darah. Kemudian, setitis cecair etanol serta fenolftalein dititiskan ke atas kertas blotting tadi dan diikuti setitis hydrogen

peroksida ke atas *blotting paper* yang sama. Jika warna berubah kepada merah jambu dalam masa 10 saat, sampel adalah positif mengandungi darah. Jika *blotting paper* tidak bertukar warna selepas 10 saat, sampel adalah negatif iaitu tidak mengandungi darah. Langkah yang sama telah dijalankan ke atas sampel kain yang mengandungi darah yang telah dibasuh menggunakan mesin dobi layan diri dan mesin basuh muatan atas.

Kaedah Analisis Profil DNA Forensik

Kajian ini telah menggunakan bantuan kaedah analisis profil DNA Forensik ke atas tiga sampel kotoran iaitu darah, air kencing dan najis bayi. Sampel- sampel tersebut telah diuji bagi mengesahkan kewujudan atau kenyahwujudan DNANYa selepas basuhan menggunakan mesin basuh muatan atas dan mesin dobi layan diri. Analisis profil DNA forensik ini telah dijalankan di Bahagian Forensik, Jabatan Kimia Malaysia Negeri Pulau Pinang mengikut protokol piawai bagi analisis profil DNA forensik dan dikendalikan oleh kakitangan staf makmal.

Teknik profil DNA forensik dalam kajian ini terdiri dari empat (4) langkah iaitu pengekstrakan DNA (extraction), pengiraan (quantitation), penggandaan (amplification) dan pengasingan dan penganalisaan macromolecule DNA (electrophoresis).

i. Pengekstrakan (*Extraction*)

Sampel pakaian telah digunting dari bahagian yang mengandungi najis kepada cebisan kecil bagi proses pengekstrakan DNA. Kemudian, pengasingan najis dari media pakaian dilakukan dengan merendam cebisan sampel pakaian mengandungi najis ke dalam 500 larutan lysis (lysis buffer [10 mM Tris (pH 8.0), 10 mM EDTA, and 2.0% SDS]) bagi tujuan untuk memecahkan sel hidup yang terdapat pada sampel kain bagi tujuan mendapatkan bahagian DNA sel. Kemudian, 5-10 µL 20 mg/ml enzim proteinase K ditambah ke dalam rendaman sampel. Sampel kemudian dibiarkan selama 1-3 jam pada suhu 56°C sehingga semua tisu sel larut. DNA diekstrak dari sampel dengan menggunakan campuran larutan fenol:kloroform: alcohol isoamil (25:24:1, v/v) dan campuran tersebut disekatakan dengan menggoncang tiub dengan membalik-balikkan tiub tersebut secara perlahan-lahan selama 3 minit. Sampel kemudiannya diempar (Eppendorf 5415; Hamburg, Germany) selama 10 minit pada 10,000 g (4°C). Lapisan atas (akueus) kemudian diasingkan ke dalam pengempar mikro lain yang telah disteril. 10 µl enzim RNase A (10 mg/ml; Fermentas, Thermo Scientific, Germany) ditambah dan kemudian dibiarkan selama 30 minit pada suhu 37°C. 10 µl larutan kloroform: alcohol isoamil ditambah dan diemparkan sekali lagi pada 10,000 g selama 10 minit pada suhu 4°C. Lapisan atas (akueus) diasingkan ke tiub pengempar mikro yang baru dan 20 µl isopropanol (Merck, Whitehouse Station, NJ, USA) ditambah bersama dengan 2 µL natrium asetat (3M) dan disejukkan pada suhu -20°C bagi tujuan pemendakan. Selepas 1 jam, sampel diempar pada 10,000 g (4°C) selama 10 minit. Kemudian bahan cecair bahagian atas selepas pemendakan (supernatant) dituang dan diasingkan. 250 µl 70% etanol (Merck) ditambah ke dalam tiub untuk melarutkan mendakan. Campuran ini kemudiannya diempar pada 10,000 g selama 10 min dan lapisan cecair bahagian atas mendakan dituang secara perlahan. Mendakan kemudiannya dikeringkan di bawah arus

udara laminar (laminar air flow) dan disimpan dalam larutan 10 tris-HCl, 1 mM EDTA, pH 7.6 (TE) larutan penimbun dan dibekukan pada suhu -20°C untuk penyimpanan bagi proses yang seterusnya.

ii. Langkah 2: Pengiraan DNA (*DNA quantitation*)

Pengiraan DNA telah dilakukan bagi memastikan DNA yang diekstrak dari sampel mengandungi DNA manusia dan bukan dari sumber yang lain seperti bakteria. Selain itu, tujuan utama pengiraan DNA adalah untuk menentukan kesuaian jumlah DNA yang akan di gandakan melalui PCR-STR. Kualiti dan kuantiti DNA yang diekstrak telah dianalisa.

iii. Langkah 3: Penggandaan DNA (*Amplification*)

Penggandaan DNA telah dilakukan menggunakan teknik Polymerase Chain Reaction-Short Tandem Repeat (PCR-STR). SRT merupakan kaedah yang dilakukan bagi membezakan loki tertentu dari DNA. Melalui proses ini, DNA yang telah diekstrak akan digandakan bagi memastikan jumlah segmen DNA yang diperlukan adalah mencukupi bagi kajian selanjutnya.

iv. Langkah 4: Pengasingan dan penganalisaan DNA makromolekul (Elektrolisis Rerambut)

Selepas gandaan DNA dilakukan menggunakan PCR, campuran DNA yang telah digandakan akan diasingkan bagi mengenalpasti dan membezakan molekul-molekul yang terdapat di dalam sampel. Pengasingan cebisan DNA (DNA fragment) adalah melalui proses yang dinamakan elektrolisis rerambut. Teknik ini menggunakan 3500XL Genetic Analyzer yang menggunakan caj positif dan negatif dimana DNA molekul yang negative akan masuk ke rerambut dan berpindah ke anod positif di hujung rerambut yang bertentangan. Melalui proses ini, DNA diasingkan berdasarkan saiz DNA molekul.

Langkah yang sama telah-dilakukan bagi setiap sampel kain mengandungi najis tahi, air kencing dan darah. Seterusnya kandungan DNA bagi setiap sampel dibandingkan di antara sampel control positif dan juga sampel najis bagi setiap basuhan. Profil DNA yang mengandungi DNA kurang dari 0.2 ng dikira lemah dan tidak memberi nilai yang penting (Budowle B, Eisenberg AJ, van Daal A. 2009; Gill P, *et.al*, 2000).

ANALISIS DAN DAPATAN

Keputusan Pengujian Saringan Kestle Meyer Test (KM-Test)

Ujian saringan Kestle Meyer (KM-Test) telah dilakukan ke atas sampel pakaian yang mengandungi darah. Bagi sampel positif pakaian yang mengandungi darah, perubahan warna pada kertas blotting paper telah diperhatikan dan warna merah telah dikesan menunjukkan

kesan positif kehadiran darah pada sampel kain. Bagi sampel kain darah selepas basuhan dobi dan mesin basuh, kedua-dua sampel telah menunjukkan kesan negatif kehadiran darah pada pakaian di mana tiada perubahan warna telah dikesan pada kertas blotting setelah dititik dengan titisan cecair etanol, phenolphthalein dan hidrogen peroksida. Melalui ujian saringan ini, telah disimpulkan bahawa kesan darah telah hilang setelah basuhan dilakukan terhadap sampel kain melalui kedua-dua kaedah iaitu mesin basuh dan dobi.

Keputusan Analisis Profil DNA Forensik

Jumlah DNA yang dikesan pada sampel pakaian mengandungi darah, air kencing dan najis sebelum dan selepas basuhan dobi dan mesin basuh adalah seperti di dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1 Keputusan Analisis DNA pada Tiga (3) Sampel Kajian

Sampel	Darah A (ng/μl)	Darah B (ng/μl)	Air kencing A (ng/μl)	Air kencing B (ng/μl)	Najis A (ng/μl)	Najis B (ng/μl)
Negatif sampel	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Positif sampel	44.80	65.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Sampel selepas basuhan dobi	1.78	3.28	0.00	0.00	0.00	0.00
Sampel selepas basuhan mesin	3.28	1.11	0.09	0.00	0.00	0.00

Sumber: Laporan Pemeriksaan dan Analisis Ekshibit, Pusat Rujukan Analisis DNA Forensik Wilayah Utara, 2019

Berdasarkan Jadual 1, kehadiran najis pada sampel darah dikesan pada 44.80 ng/μl dan 65.00 ng/μl pada sampel pakaian yang mengandungi darah sebelum melalui proses basuhan. Setelah basuhan, didapati pada sampel basuhan dobi, hanya 1.78 ng/μl dan 3.28 ng/μl sampel DNA darah dikesan pada sampel darah A dan B. Manakala bagi sampel basuhan mesin basuh, hanya terdapat 3.28 ng/μl dan 1.11 ng/μl sampel DNA dari sampel darah yang masih dikesan pada sampel darah A dan B. Keputusan juga menunjukkan, basuhan mesin basuh dan dobi telah menyahkan DNA dan bahan najis iaitu darah daripada sampel pakaian yang dibasuh.

Namun begitu, bagi kesemua sampel najis dan air kencing, analisis DNA menunjukkan bacaan 0.00 ng/μl bagi semua sampel sebelum dan selepas basuhan. Berdasarkan nilai yang telah diperolehi, profil DNA yang mengandungi DNA kurang dari 0.2 nanogram dikira lemah dan tidak memberi nilai yang penting. Secara amnya, jumlah salinan DNA yang dikesan kurang

daripada 0.2 ng, iaitu di bawah limit yang ditetapkan, memberi impak kepada ketidaktepatan interpretasi dapatan (Budowle B, Eisenberg AJ, van Daal A. 2009 ; Gill P, *et.al.*, 2000). DNA adalah asas bahan hidup pada setiap manusia, namun, najis dan air kencing mengandungi DNA dalam kuantiti yang minimum kerana kedua-dua bahan ini terdiri daripada bahan kumuh yang dan juga DNA yang sudah rosak.

Keselarian Metode Basuhan Sampel Kajian dengan Pembersihan Najis menurut Mazhab Syafie

Penggunaan tiga sampel kajian iaitu darah, najis bayi dan air kencing mencakupi kategori najis mutawassitah yang merupakan kategori najis terbanyak berlaku kepada orang ramai. Berbanding najis *mukhaffah* dan *mughallazah*, tiada sampel digunakan dalam kajian ini memandangkan cara pembersihannya berbeza daripada perincian cara pembersihan najis mutawassitah.

Metod basuhan semua sampel tersebut yang menggunakan mesin basuh dan dobi layan diri adalah menepati dua kaedah basuhan yang disarankan oleh fuqaha Syafi'iyah seperti berikut:

- i. Penggunaan air mutlak yang bersih walaupun kurang daripada dua kolah
- ii. Berlakunya proses kemasukan air (*murur al-ma'*) ke dalam pakaian yang dimasukkan lebih awal dalam drum mesin basuh dan mesin dobi, bukan sebaliknya.
- iii. Terbukti berlakunya bilangan (*adad*) basuhan air beberapa kali untuk menghilangkan kesan najis. Pertukaran air basuhan pertama akan dikeluarkan sebelum air baharu dimasukkan bagi putaran kali kedua.
- iv. Pakaian telah dikeringkan secara *spinning* setelah selesai basuhan berdasarkan mod yang ditetapkan pada kedua-dua mesin. Proses *spinning* ini menepati kaedah perahan (*i'sar*) pakaian yang dihukumkan sunat oleh Syafi'iyah dan wajib menurut Hanafiyyah.
- v. Dari segi pengesanan zat najis dan jenis kesannya, didapati:
 - a. Kesan najis iaitu bau, warna dan rasa telah hilang sepenuhnya.
 - b. Kewujudan kesan warna yang masih samar-samar disebabkan kesukaran menghilangkannya dimaafkan oleh syarak atas faktor *masyaqqah*.

Setiap pakaian yang telah hilang semua kesan najis khususnya kategori *mutawassitah* adalah dihukumkan bersih sekiranya semua kesan tersebut dapat dihilangkan dengan mudah. Jika sukar dihilangkan selepas dibasuh dengan sabun (contoh) seperti kesan darah, pakaian tersebut dihukum bersih dengan dimaafkan (diberikan kelonggaran) pada kesan yang berbekas.

Keupayaan Mesin Basuh dan Dobi Menghilangkan Najis

Kajian ini turut mendapati basuhan mesin basuh dan dobi layan diri mampu menghilangkan ketiga-tiga unsur najis daripada pakaian. Berdasarkan kaedah *screening* menggunakan *Kastle-Meyer test (KM Test)* iaitu hasil pengesanan peringkat awal sesuatu unsur najis mendapati kewujudan najis pada sampel darah yang dibasuh adalah negatif berbanding kesan positif yang

terdapat pada sampel kawalan (*control sample*) awal. Keputusan sampel darah diaplikasikan pada sampel air kencing dan tahi kerana kesannya lebih kuat berbanding kedua-dua sampel tersebut yang menjadi bahan kumuhan yang tidak mengandungi banyak DNA. Jika dilihat pada standard kebersihan dalam hukum fiqh, keputusan negatif tersebut sudah memadai untuk mengukuhkan kebersihan pakaian yang mengandungi tiga sampel najis.

Namun selepas dilanjutkan pada pengujian mengikut kaedah *Polymerase Chain Reaction Short Tandem Repeat* (PCR-STR) untuk analisis DNA pula, keputusan menunjukkan bahawa sebelum dibasuh, kehadiran najis pada sampel kawalan (*control sample*) darah yang dikesan pada 44.80 (sampel A) dan 65.00 ng/μl (sampel B), manakala selepas dibasuh, ia adalah seperti berikut:

- a. Basuhan dobi: hanya tinggal 1.78 ng/μl dan 3.28 ng/μl pada sampel A dan B.
- b. Basuhan mesin basuh, hanya terdapat 3.28 ng/μl pada sampel A dan 1.11 ng/μl pada sampel B.

Keputusan ini menunjukkan, basuhan mesin basuh dan dobi mampu menyahkan DNA serta bahan najis iaitu darah. Namun, kewujudan kuantiti kecil kesan darah yang ditemui adalah berpunca daripada faktor-faktor seperti yang berikut:

- a. Pengesanan darah didapati daripada nukleus yang terpecah daripada molekul darah yang telah terurai (hilang) tetapi masih melekat di dalam benang pakaian yang dibasuh.
- b. Ketebalan kuantiti sampel darah (2ml) yang diletakkan pada pakaian dan dibiarkan kering selama 24 jam. Keadaan berbeza dengan basuhan sebenar oleh pengguna yang akan membersihkan kesan darah (seperti darah haid dan *istihadah*) terlebih dahulu atau kuantiti darah yang terkena itu sedikit.

Sehubungan perkara di atas, dinyatakan bahawa pengesanan kesan nukleus darah tersebut adalah tidak signifikan ataupun dianggap tidak wujud jika berpanduan piawaian hukum *taharah* yang menekankan kewujudan unsur fizikal najis iaitu warna, bau dan rasa.

Kenyahwujudan najis yang dibuktikan secara saintifik melalui kaedah screening *KM Test* dan analisis profil DNA PCR-STR sangat kukuh untuk menolak spekulasi pengguna bahawa unsur najis masih wujud pada pakaian dan lantaran itu, basuhan pakaian perlu melalui banyak pengulangan proses *murur al-maa'* sehingga najis diyakini telah hilang. Pengulangan basuhan merupakan suatu *mashaqqah* kepada pengguna kerana kesan najis telah terbukti hilang sebelum itu. Ini bakal membebaskan majoriti pengguna muslim yang kebiasaannya menggunakan mode basuhan standard (*default*) yang ditetapkan oleh mesin basuh automatik.

KESIMPULAN

Penjagaan kebersihan amat dititikberatkan dalam hukum ibadat kerana seseorang hamba perlu menjaga adab dengan Allah SWT yang sifatnya cantik (*jamil*) dan indah (*tayyib*). Kebersihan diri, pakaian dan semua lingkungan kehidupan bagi setiap individu muslim mencerminkan kesungguhan agama Islam menjamin kehidupan yang sihat dan jauh daripada penyakit yang berpunca daripada kotoran dan najis, samada *hissi* ataupun *aini*.

Berpandukan kefahaman terhadap sumber al-Quran dan sunnah Nabi SAW, para fuqaha khususnya Syafi'iyah telah memperincikan kaedah pembersihan najis dan kotoran menggunakan pelbagai instrumen khususnya air bersih (mutlak) dan bahan-bahan lain yang diyakini membersihkan najis (*mutahhirat*) seperti sabun, serta, samak dan seumpamanya. Kaedah-kaedah yang disarankan adalah berdasarkan ijtihad dan kajian setempat pada zaman masing-masing, berdasarkan realiti keupayaan mengesan serta kemampuan menghilangkan tiga unsur najis iaitu bau, warna dan rasa.

Islam merupakan agama yang bercirikan rahmah, mudah dan tidak membebankan umatnya dengan perkara-perkara yang tidak dapat ditentukan secara zahir. Adalah suatu yang membebankan jika umat Islam terpaksa memastikan diri mereka bebas sepenuhnya daripada terkena unsur najis yang terlalu halus atau kecil seperti sisa molekul atau nukleus yang sukar diteropong. Ciri-ciri rahmah ini jelas dinyatakan dalam nas-nas di bawah sebagai satu mesej penting yang perlu dihayati bagi memastikan kelestarian hukum syarak pada sepanjang zaman.

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: (dengan ketetapan demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran” (al-Baqarah: 185)

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya: dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.. (al-Hajj: 78)

Berasaskan prinsip-prinsip di atas, kenyahwujudan najis pada pakaian yang dibasuh menggunakan kedua-dua mesin itu sewajarnya telah dianggap bersih dalam konteks *taharah* sebagai syarat sah ibadat solat, bukan sekadar menghilangkan kotoran najis (*izalah al-najasah*) semata-mata.

Justeru, penggunaan mesin basuh dan dobi merupakan suatu inovasi basuhan pakaian yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam untuk kesenangan ibadat kepada Allah SWT jika terbukti ia mampu membersihkan najis. Islam tidak pernah bersikap skeptikal terhadap sebarang rekacipta orang bukan Islam, asalkan tidak menyalahi prinsip-prinsip hukum syarak yang jelas dan *qat'iy*.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang berjudul "Kajian Hukum Kebersihan Pakaian Bernajis Menggunakan Mesin Basuh ((Kod Projek 100-IRMI/GOV 16/6/2 (0003/2019))".

RUJUKAN

al-Quran al-Karim

Ali Jum'ah'. 2001. *al-Makayil wa al-Mawazin al-Syar'iyyah*. Edisi ke-2. Kaherah: al-Quds li al-Nashr wa al-I'Lan.

al-Ansari, Zakariyya ibn Muhammad. t.th. *Asna al-Matalib fi Syarh Rawd al-Talib*. T.tp: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah,

Atiyyah, Abd al-Hasib Sanad. *Anwa' al-Tathir wa Syurutuhu*, dalam <http://www.alukah.net/sharia/0/44555/> Diakses pada 14 April 2019.

al-Bahuti, Mansur ibn Yunus. 2003. *Kashshaf al-Qina 'an Matn al-Iqna'*. Tahqiq oleh Ibrahim Ahmad Abd al-Hamid. Riyadh: Dar Alam al-Kutub.

Budowle B, Eisenberg AJ, van Daal A. 2009. *Validity of low copy number typing and applications to forensic science*. Croat Med J. 50: 207-217, <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC2702736/>. Diakses pada 17 Julai 2019

al-Bujayrmi, Sulayman. 1995. *Tuhfat al-Habib 'ala Syarh al-Khatib*, Beirut: Dar al-Fikr.

al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Edisi ke 1. Dar Ibn Kathir: Dimashq.

Darul Ifta al-Misriyyah. 2014. <http://www.dar-alifta.gov.eg/ar/ViewResearch.aspx?sec=fatwa&ID=151>. Diakses pada 18 April 2019.

Darul Ifta. 2011. Washing Clothes via Washing Machine. *Darul Ifta*. Diakses pada 15 April 2019. <http://daruliftabirmingham.co.uk/washing-clothes-via-the-washing-machine/>

al-Dimyati, Abu Bakr Uthman ibn Muhammad. 1997. *I'anat al-Talibin 'ala Hall Alfaz Fath al-Mu'in*. Beirut: Dar al-Fikr,

Facebook. <https://www.facebook.com/ustazhasnankasan/posts/112916642045601>. Diakses pada 15 April 2019.

Gill P. 2000. *An investigation of the rigor of interpretation rules for STRs derived from less than 100 pg of DNA*. Forensic Sci Int. 112: 17-40, <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0379073800001584?via%3Dihub>. Diakses pada 17 Julai 2019.

Glaister, J. *The Kastle-Meyer test for detection of blood*. 1926 Apr 10; 1 (3406): 650–652. BMJ 192610650–652. Diakses pada 17 Julai 2019.

al-Haitami, Shihab al-Din Ibn Hajar. 2016. *Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. Kaherah: Dar al-Hadith.

al-Hattab, Muhammad ibn Muhammad al-Ru'yani. 1995. *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar Khalil*. Takhrij oleh Zakariyya 'Umayrat. Edisi ke 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

<http://kemusykilan.islam.gov.my/?data=O2thdGVnb3JpX2RldGFpbDsxMzE7&page=871> Diakses pada 15 April 2019.

http://kemusykilan.islam.gov.my/v2/index_jawapan.php?ids=24409&q=. Diakses pada 23 Julai 2019.

<http://naaimahbtenaaim.blogspot.my/2017/09/hukum-menggunakan-mesin-cuci-baju.html>. Diakses pada 15 April 2019.

<http://omgyoutube.com/watch/v=yWi9SSP2fHM>. Diakses pada 15 April 2019.

http://www.kantakji.com/hanafi-economy/-المعايير-التقنية-المتبعة-في-وسائل-التطهير-الحديثة-ومدى-مراعاتها-للأسس-والضوابط-الشريعة-في-ضوء-اجتهادات-الفقه-الحنفي.aspx#_ftn4. Diakses pada 16 Oktober 2019.

- https://scholar.najah.edu/sites/default/files/all-thesis/methods_of_purification.pdf. Diakses pada 12 Oktober 2017.
- Husam Ali Abdullah. *al-Ma'ayir al-Tiqniyyah al-Mutta'ah fi Wasa'il al-Tathir al-Hadith wa Mada Mura'atiha li al-Usus wa al-Dhawabit al-Syar'iyyah fi Dhaw' Ijtihadat al-Fiqh al-Hanafi*, dalam http://www.kantakji.com/hanafi-economy/المعايير-التقنية-المتبعة-في-وسائل-اجتهادات-الفقه-لحنفي-التطهير-الحديثة-ومدى-مراعاتها-للاسس-والضوابط-الشريعة-في-ضوء-اجتهادات-الفقه-لحنفي.aspx#_ftn4 . Diakses pada 14 April 2019.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin ibn 'Umar. 2000. *Hasyiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr,
- Ibn Taimiyyah, Ahmad ibn Abd al-Halim. 2004. *Majmu' Fatawa*. Tartib oleh 'Abd al-Rahman ibn Muhammad dan Muhammad ibn Abd al-Rahman. al-Madinah al-Munawwarah: Mujammak al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Musyaf al-Syarif
- al-Iftaa. 2012. <https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2722#.XNDzpzAzYdU>. Diakses pada 18 April 2019.
- Islamic Affairs & Cheritable Activities Department. <https://services.iacad.gov.ae/SmartPortal/fatwa/PublishedFatwa/Deatils/26018>. Diakses pada 18 April 2019.
- Islamweb.net, 2017, <http://fatwa.islamweb.net>. <http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=FatwaId&Id=177849> dalam siri-siri penerangannya 174107, 174865, 171787 dan 176059. Diakses pada 18 April 2019.
- Jamal Salih, *Wasa'il al-Tathir*. https://scholar.najah.edu/sites/default/files/all-thesis/methods_of_purification.pdf. Diakses pada 12/10/2017.
- Jum'ah, Ali. 2001. *al-Makayil wa al-Mawazin al-Syar'iyyah*. Edisi ke-2. Kaherah: al-Quds li al-Nasyr wa al-I'lan wa al-Tawzi'.
- al-Kaf, Hasan Ahmad Muhammad. 2003. *al-Taqrirat al-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah*. Edisi ke-1. Tarim: Dar al-'Ilm wa al-Da'wah.
- al-Kasani, Ala' al-Din Abi Bakr ibn Mas'ud. 2003. *Bada'i' al-Sana'I' fi Tartib al-Syara'i*. Tahqiq oleh Ali Muhammad Mu'awwad & Adil Ahmad Abd al-Mawjud. Edisi ke 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah,
- Muhammad Hudzari Razali, Syazili Roslan, Muhammad Rahimi Osman, Muhammad Shahril Othman, Zulfakar Aspar & Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah. 2017. Development of Intelligence Technique in Syariah Compliance Washing Machine via PLC. *J. Artif. Intel.*, 10 (2): 49-58.
- Muslim, Abu al-Hasan ibn al-Hajjaj al-Naysaburi. t.th. *Sahih Muslim*. Tahqiq oleh Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Nawawi, Muhy al-Din ibn Syaraf. 1991. *Rawdhat al-Talibin wa Umdat al-Muftin*. Edisi ke-3. Beirut: al-Maktab Islami.
- al-Nawawi, Muhy al-Din ibn Syaraf. t.th. *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-fikr.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2016. <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/1197-al-kafi-311-menyucikan-pakaian-dengan-mesin-basuh> .Diakses pada 15 April 2019.
- al-Ramli, Syams al-Din Muhammad ibn Abi al-'Abbas. 2003. *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Edisi ke 3. Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyyah,
- Rizuwan Yahaya, Mohd. Huzari Razali, Basri Ibrahim, Mohd Shahril Othman, Noordin Asimi Mohd Noor, Hasbullah Muhammad, & Soran Jalal Abdullah. 2013. Conceptual

- instrumentation of washing machine for conformity to the Islamic laws of Syarak, *Scientific Journal of Review.*, 2(6), 151-155.
- al-San'ani, Muhammad ibn Isma'il. t.th. *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram*. Kaherah: Dar al-Hadith,
- al-Sharbini, Syams al-Din Muhammad al-Khatib. 1994. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Tahqiq oleh 'Ali Muhammad Mu'awwad dan 'Adil Ahmad al-Mawjud. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah,
- al-Shawkani. Muhammad Ibn Ali. 1993. *Nayl al-Awtar*. Tahqiq oleh 'Isam al-Din al-Sababuti. Edisi ke 1. Kaherah: Dar al-Hadith,
- Youtube. 2013. Hukum Guna Pakaian Dibasuh Dengan Mesin Basuh Automatik. *Youtube*. Diakses pada 15 April 2019. <https://www.youtube.com/watch?v=A0F29gZu5qA>
- al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Edisi ke 3. Dimashq: Dar al-Fikr.